

GEGAR AMERIKA

KENYATAAN MENGENAI KEPUTUSAN MAHKAMAH ANTARABANGSA (ICJ) BERKENAAN LANGKAH SEMENTARA: "DIMANAKAH PERGINYA KEADILAN?"

GegarAmerika menyambut keputusan *Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ)* mengenai langkah sementara yang telah dikemukakan oleh Afrika Selatan dalam tuntutannya menentang Israel atas serangannya ke atas Gaza yang melanggar *Konvensyen Penghapusan Bangsa* (1948). Namun, GegarAmerika merasa kecewa dengan kegagalan mahkamah antarabangsa untuk mengarahkan gencatan senjata dengan serta-merta. **Seramai 174 warga Palestin di Gaza telah dibunuuh oleh tentera rejim zionis Israel dalam tempoh 24 jam sejak keputusan ICJ.**

GegarAmerika dengan tegas menganggap tindakan Israel di Gaza sebagai serangan terhadap rakyat Palestin yang secara jelas dan nyata merupakan jenayah pembasmian kaum (genosid). Keputusan *ICJ* telah gagal memihak kepada desakan Afrika Selatan untuk segera menguatkuasakan gencatan senjata sepenuhya di Gaza.

Keputusan *ICJ* telah gagal mewujudkan mekanisme penguatkuasaan yang utuh, yang hanya memerlukan Israel melapor diri kepada mahkamah dalam jangkamasa satu bulan. Israel telah berulang kali mencabuli kedua-dua perundangan antarabangsa, serta resolusi *Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC)* terhadap perbuatan mereka; dan tiada bukti sejarah yang menunjukkan bahawa keganasan berleluasa Israel di Semenanjung Gaza akan berhenti sebagai hasil daripada keputusan peraturan ini. Pertanyaan kami kepada *ICJ*, di manakah keadilan dalam membenarkan penindas menguatkuasakan diri sendiri?

GegarAmerika ingin menekankan bahawa *ICJ* telah gagal membuat keputusan yang memihak kepada langkah-langkah tertentu yang dituntut Afrika Selatan, termasuk dan tidak terhad kepada:

- Israel hendaklah menggantung operasi ketenteraan di dalam Gaza dengan segera
- Israel hendaklah mengambil semua langkah wajar untuk mencegah pembunuhan beramai-ramai di Semenanjung Gaza
- Israel hendaklah mencegah pengusiran paksa rakyat Palestin daripada kediaman mereka
- Israel hendaklah memberhentikan sekatan terhadap makanan dan minuman mencukupi

Walaubagaimanapun, kami memuji mahkamah di atas keputusan mereka dalam meluluskan sebahagian daripada langkah-langkah sementara yang diusulkan, khususnya mengangkat *Artikel II* dalam *Konvensyen Penghapusan Bangsa*, yang mencegah perlakuan-perlakuan berikut:

GegarAmerika merupakan gerakan oleh rakyat Malaysia yang bergiat untuk menentang kekejaman Amerika Syarikat; mengecam keras imperialism Barat dan pencerobohan campur tangan AS di seluruh Selatan Global, khususnya dalam isu perjuangan Palestin.

GEGAR AMERIKA

- (a) membunuh ahli-ahli kumpulan;
- (b) mengakibatkan kecederaan badan atau mental ke atas ahli-ahli kumpulan;
- (c) dengan sengaja menyebabkan kondisi kehidupan kumpulan yang khusus bagi membawa kemusnahan fizikal secara menyeluruh atau sebahagiannya; dan
- (d) mengenakan langkah-langkah yang bertujuan mencegah kelahiran dalam sesebuah kumpulan.

Kami berharap keputusan ini akan menjadi titik permulaan terhadap pengakhiran kekebalan daripada hukuman yang dinikmati Israel – dengan sokongan Amerika Syarikat yang merupakan dalang penghasut perperangan – di pentas global yang secara terang-terangan menodai Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa dan Undang-undang Hak Kemanusiaan.

Kami, GegarAmerika, ingin mengingatkan seluruh Masyarakat Antarabangsa bahawa rakyat Palestin, dengan perintah ini, dianggap sebagai warga yang terpelihara. Masyarakat Antarabangsa mempunyai tanggungjawab yang bersama untuk menjaga kebijakan rakyat Palestin daripada genosid. Kami menyeru Masyarakat Antarabangsa dan Institusi Antarabangsa untuk mematuhi komitmen mereka terhadap Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa dan Undang-undang Hak Kemanusiaan. Kami menekankan pentingnya Masyarakat Antarabangsa bekerjasama untuk menguatkuaskan langkah-langkah sementara yang telah diluluskan oleh ICJ, serta mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang terlibat dalam pencabulan atau menyokong sebarang pelanggaran terhadap langkah-langkah sementara tersebut.

Tambahan pula, kami ingin berterima kasih kepada kerajaan Afrika Selatan atas komitmen mereka untuk memperjuangkan hak kemanusiaan dan menegakkan keadilan, dan ke atas keberanian mereka membawa kes ini ke *Mahkamah Keadilan Antarabangsa* meskipun menghadapi gertakan yang kuat daripada kuasa-kuasa imperialism Barat. Kami menyeru negara-negara yang mementingkan konsep kedaulatan untuk mengambil tindakan keras terhadap mereka yang terus memberi sokongan, dana, dan bekalan senjata kepada Israel dalam usaha melanjutkan genosid terhadap Gaza; kami mendesak pihak-pihak lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam genosid yang sedang berlaku juga dibawa menghadap *ICJ*.

Akhirnya, kami memanggil untuk gencatan senjata yang serta-merta, dan kemasukan bantuan ke Semenanjung Gaza; menyeru negara-negara ahli *UNSC* (khususnya Algeria) untuk mengambil langkah bagi menguatkuaskan ketetapan *ICJ* melalui resolusi *UNSC*; menyeru untuk Malaysia memanggil sebuah resolusi di *UNGA* bagi menyokong langkah sementara yang telah dikemukakan; dan menyeru *PBB* menggantung keahlian Israel sekiranya mereka gagal mematuhi perintah yang telah diputuskan oleh *ICJ*.

GegarAmerika merupakan gerakan oleh rakyat Malaysia yang bergiat untuk menentang kekejaman Amerika Syarikat; mengecam keras imperialism Barat dan pencerobohan campur tangan AS di seluruh Selatan Global, khususnya dalam isu perjuangan Palestin.